

Sinar Harian 19/6/2018
ms 37

Langgar kapal Maritim Malaysia untuk lolos

KEMAMAN - Kecekapan pegawai memerintah dan krew kapal ronda Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) berjaya menghalang enam nelayan asing daripada melarikan diri walaupun bertindak agresif dengan melanggar kapal ronda itu.

Kejadian kira-kira jam 5.20 petang pada Khamis lalu di lokasi lebih kurang 53 batu nautika timur Kemaman itu turut mengakibatkan kapal ronda Maritim Malaysia mengalami kerosakan di bahagian hadapan.

Timbalan Pengarah (Operasi) Maritim Negeri Pahang, Kapten Maritim V Pannir Selvan Veloo berkata, perbuatan bot nelayan asing dipercayai nelayan Vietnam itu disadari kapal ronda Maritim Malaysia yang sedang menjalankan rondaan.

Menurutnya, bot nelayan Vietnam yang menggunakan nombor pendaftaran BD 93565 TS itu



Keadaan bot nelayan Vietnam yang turut mengalami sedikit kerosakan selepas melanggar kapal Maritim Malaysia.

telah bertindak agresif dengan melanggar kapal Maritim Malaysia ketika kapal berkenaan cuba menghampiri bot tersebut.

“Kapal kita mengalami sedikit kerosakan di bahagian hadapan akibat dilanggar oleh bot nelayan terbabit tetapi hasil kecekapan pe-

gawai memerintah dan krew kapal, bot nelayan asing tersebut berjaya ditahan.

“Hasil pemeriksaan mendapati

bot berkenaan tidak memiliki lesen menangkap ikan serta kesemua awak-awak tiada dokumen pengenalan diri,” katanya.

Kesemua enam nelayan Vietnam yang ditangkap itu berumur lingkungan 22 hingga 58 tahun sementara bot pula ditahan serta diserahkan kepada pegawai penyiasat untuk tindakan lanjut.

Pannir Selvan berkata, kes tersebut disiasat di bawah Akta Imigresen 1959/63 dan Akta Perikanan 1985 kerana menangkap ikan di kawasan perairan Malaysia.

Dalam pada itu, beliau meminta orang ramai supaya memberi kerjasama dan bersama-sama membantu dalam menangani sebarang aduan kesalahan atau jenayah di perairan negara dengan menghubungi talian MERS 999 atau Pusat Operasi Maritim Malaysia Pahang di talian 09-5717345.